

10 FEB 2002

Mustapa-Pas

TINDAKAN PAS TUDUH DR MAHATHIR HINA ULAMA KETERLALUAN, KATA MUSTAPA

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Tindakan Pas menuduh ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York minggu lepas sebagai menghina ulama dianggap keterlaluan.

Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed berkata hakikatnya Dr Mahathir mendapat nasihat dari ulama yang tidak berkepentingan dalam menjalankan urusan negara, jadi itu menunjukkan hubungan antara ulama dan umarak (pemerintah) dalam negara ini begitu baik sekali.

"Di mana-mana negara Islam umarak dan ulama adalah dua golongan penting dan hakikatnya di Malaysia ada hubungan baik," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan kursus penceramah-penceramah Umno anjuran Biro Penerangan Umno di sini hari ini.

"Kita memberi tempat yang tinggi kepada mereka (ulama) umpamanya ketika menjalankan muamalat Islam kita ada panel penasihat syariah di bawah Bank Negara...Mereka (ulama) memberi nasihat kepada kerajaan bagaimana melaksanakan hukum Islam dalam bidang ekonomi dan perkara lain," katanya.

Beliau berkata apa yang dipertikaikan dan dikritik ialah ulama yang sempit pemikiran iaitu mereka yang mempunyai kepentingan politik dan peribadi dan tidak mendasarkan pandangan mereka kepada fakta.

Beliau berkata ada diantara mereka juga jumud dan tidak progresif kerana pandangan mereka jelas tidak secocok dengan keadaan di Malaysia dan di negara lain.

Mustapa berkata Umno berasa golongan mereka ini bersikap demikian dan begitu kritikal terhadap kerajaan kerana hari ini mereka sudah merasakan kesilapan mereka.

"Mereka sudah terasa tersepit dan mengambil sikap defensif. Kalau dahulu kita jarang menyerang mereka hari ini kita sudah ada fakta-fakta yang membolehkan kita serang mereka dengan bukti dan fakta. Itu sebabnya ada diantara mereka yang melenting," katanya

Beliau berkata jika dilihat sumbangan Dr Mahathir kepada Malaysia khususnya orang Melayu dan Islam, sumbangannya lebih besar dari ulama parti pembangkang negara ini.

"Saya baru-baru ini berkesempatan berjumpa beberapa pemimpin negara Islam lain dan mereka memuji ucapan Dr Mahathir di New York. Beliau seorang pemimpin Islam yang berani berkata benar, supaya umat Islam akan berada dalam keadaan selamat dan tidak mundur," katanya.

Semalam, semasa merasmikan kursus berkenaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kecaman Pas terhadap ucapan Dr Mahathir itu bertujuan menimbulkan perbalahan ulama dengan kepimpinan kerajaan dan Umno.

Abdullah mengulas laporan bertajuk "Pas Kecam PM Hina Ulama Depan Ariel Sharon" dalam Harakah, lidah rasmi parti itu keluaran terbaru bertarikh 16-28 Feb.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dalam rencana itu dipetik sebagai berkata ucapan Dr Mahathir "sangat memualkan dan memalukan dirinya sendiri serta umat Islam seluruh dunia apabila ia diucapkan di hadapan khalayak majoriti bukan Islam di Forum Ekonomi Dunia".

-- BERNAMA

SHS AKT FAZ